

16 SEP 2003

Nik Aziz-Isu

PAS DAKWA BANYAK PUNYAI ISU UNTUK DIKETENGAHKAN PADA PILIHAN RAYA NANTI

KOTA BAHARU, 16 Sept (Bernama) -- PAS akan tetap mengeluarkan pelbagai isu politik semasa kempen pilihan raya umum akan datang dan sekali gus menolak dakwaan bahawa parti itu telah kekeringan isu, kata Mursyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Katanya PAS mempunyai banyak isu untuk diketengahkan dan antara isu utama yang akan menjadi "tunjang" kepada isu-isu lain ialah mengenai asas pemerintahan negara ini yang sebenarnya "tidak Islamik".

"Isu ini yang akan kita gunakan selain dari isu-isu lain dan saya boleh katakan bahawa bukan sahaja boleh terus memerintah Kelantan dan Terengganu, tetapi juga (boleh perintah) negeri-negeri lain," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis kesyukuran Pasukan Kadet Polis Maahad Muhammadi Lelaki di Kota Darul Naim di sini, hari ini.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Umno Kelantan mempunyai peluang cerah untuk merampas semula negeri ini pada pilihan raya umum akan datang jika dapat mengeksploitasikan kelemahan ketara PAS.

Dr Mahathir berkata bagi mencapai kemenangan itu, masalah kekeringan isu dan memungkiri janji untuk menerangkan kepada rakyat mengenai bentuk negara Islam mengikut acuan PAS, perlu diketengahkan.

Nik Aziz juga berkata dakwaan bahawa PAS sebenarnya telah memungkiri janji kepada para pengundi sebenarnya tidak berlaku kerana parti itu tidak pernah membuat sebarang janji kosong semata-mata untuk menang pada pilihan raya.

"Saya pun tak tahu mungkir janji macam mana..apa benda yang mungkir janji dan kita tak pernah cakap pun nak bina jambatan, sekolah atau hospital," katanya.

Beliau berkata kerajaan negeri itu sememangnya enggan membuat sebarang janji kerana khuatir tidak dapat dipenuhi dan mengakui setiap projek pembangunan besar yang dilaksanakan di negeri ini adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Pusat.

Nik Aziz juga menafikan Kelantan telah menyalahgunakan pinjaman sebanyak RM600 juta yang diperuntukkan bagi meningkatkan kualiti air di Kelantan sebaliknya peruntukan itu telah diberikan kepada pihak yang bertanggungjawab melaksanakannya.

"Duit yang kita dapat, terus kita bagi kepada kontraktor, kita tak guna duit tu," katanya.

Menyentuh saranan Perdana Menteri yang meminta rakyat bersyukur dengan nikmat pembangunan di Kelantan, Nik Aziz kata syukur itu perlu ditujukan kepada tuhan.

"Syukur itu perlu ditujukan kepada Allah kerana memberikan petunjuk dan hidayah kepada pegawai Kerajaan Pusat untuk menyalurkan wang hasil cukai rakyat secara adil kepada semua negeri," katanya.

-- BERNAMA

ZI RAR AZH